



Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi



PANDUAN PELAKSANAAN

Program Sangkutan Pensyarah di Industri

Skim Perkhidmatan PPPT

Versi 2021

PANDUAN PELAKSANAAN

Program Sangkutan Pensyarah di Industri

Skim Perkhidmatan PPPT

Versi 2021



Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:

Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi.

Diterbitkan oleh:

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Aras 5, Galeria PjH, Jln. P4W

Persiaran Perdana, Presint 4

62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 603-8891 9000 Faks: 603-8891 9301

<http://mypolycc.edu.my/>

November 2021

Cetakan Pertama, 2021

© 2021 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Perpustakaan Negara Malaysia

Panduan Pelaksanaan

Program Sangkutan Pensyarah di Industri


Skim Perkhidmatan PPPT

Versi 2021


Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Kementerian Pengajian Tinggi

ISBN 978-967-2635-60-4



9 78 967 2635 60 4



Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan penyumbang utama dalam pembangunan sosioekonomi sesebuah negara. Ke arah itu Kerajaan sentiasa memberi keutamaan membangunkan modal insan yang produktif, kreatif, inovatif, berdaya saing dan mempunyai nilai etika yang tinggi melalui setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Agenda TVET menjadi salah satu pemboleh daya kepada pembangunan industri negara. TVET sentiasa berkait rapat dengan kemahiran industri. Justeru, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) selaku sebuah penyedia modal insan bidang TVET sentiasa berkerjasama rapat dengan pemain industri agar modal insan yang dilatih memenuhi keperluan semasa industri. Kerjasama erat antara JPPKK dan industri telah lama terjalin yang melibatkan pembangunan kurikulum, latihan industri pelajar dan penilaian pelajar. Di samping kerjasama sedia ada, penglibatan pihak industri juga amat diharapkan dalam memberi pendedahan dan latihan kepada pensyarah politeknik dan kolej komuniti berkaitan teknologi terkini dan amalan baik di industri. Penguasaan pensyarah terhadap teknologi terkini dan amalan baik di industri ini perlu diberikan perhatian agar pengisian pembelajaran dan pengajaran (PdP) dapat diperkukuhkan. Hal ini penting sebagai pendedahan awal dan persiapan pelajar memasuki pasaran pekerjaan setelah tamat pengajian kelak.

Salah satu intervensi bagi merapatkan jurang antara pengetahuan pensyarah dan kemahiran industri adalah melalui program sangkutan pensyarah di industri. Ini selari dengan ketetapan Agensi Kelayakan Malaysia melalui *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* yang menggariskan setiap tenaga pengajar TVET perlu melengkapkan latihan sangkutan di industri untuk tempoh kumulatif satu bulan dalam setiap dua tahun. Intervensi ini dijangka dapat menyediakan ruang dan peluang kepada pensyarah untuk mendalami dan mengemas kini kemahiran berkaitan teknologi baharu yang sentiasa berkembang pesat di industri. Hasil yang diharapkan melalui program sangkutan industri ini ialah agar pensyarah dapat menambah baik pengisian PdP secara berterusan serta mampu menyumbang input yang pragmatik ke arah memperkasakan kurikulum sesuatu program pengajian.

Atas kepentingan yang telah dinyatakan, sangkutan pensyarah di industri merupakan agenda utama Jabatan bagi meningkatkan kualiti penyampaian program-program yang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti. Saya berharap setiap institusi dan pensyarah dapat merancang dengan baik agar pelaksanaan sangkutan pensyarah di industri dan aktiviti PdP berjalan dengan baik dan harmoni.


Sekian, terima kasih.

Ts. Zainab Binti Ahmad
15 Disember 2021



8 ciri

Program Sangkutan Pensyarah di Industri
Skim Perkhidmatan PPPT
Versi 2021



Teras Sangkutan Pensyarah di Industri



Pendigitalan

Cici-ciri ini adalah bagi menggalakkan budaya pendigitalan dalam kalangan pensyarah di politeknik dan kolej komuniti



Jaminan Kualiti

Cici-ciri ini adalah bagi memastikan program sangkutan pensyarah di industri acuan JPPKK adalah berkualiti

Program Sangkutan Pensyarah di Industri

Skim Perkhidmatan PPPT


Versi 2021

Tarikh kuat kuasa: 1 Januari 2022

Panduan Pelaksanaan Program Sangkutan Pensyarah di Industri Versi 2021 ini kekal relevan sehingga satu versi baharu dikeluarkan secara rasmi.

Panduan Pelaksanaan ini terpakai untuk program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) dan program Latihan Sangkutan Industri (LSI). SIP merupakan jenama sistem Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah diguna pakai sekian lama. Manakala LSI merupakan jenama Kementerian Sumber Manusia yang diuruskan oleh pihak Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST). LSI terbuka kepada semua tenaga pengajar TVET. Sebagai tenaga pengajar TVET, PPPT boleh memohon untuk mengikuti program LSI dengan kemudahan kewangan yang ditanggung pihak CIAST. Oleh itu, Jabatan melalui PLPL/PLPS di institusi masing-masing akan membuat pemakluman dari semasa ke semasa sekiranya permohonan program ini dibuka oleh pihak CIAST. Bagi memastikan LSI yang dilaksanakan turut diiktiraf sebagai sangkutan pensyarah di industri oleh JPPKK, pensyarah perlu memenuhi setiap keperluan yang dinyatakan dalam Panduan ini. Sekiranya terdapat pertambahan keperluan daripada pihak CIAST yang melebihi keperluan Panduan ini, PPPT juga perlu memenuhi keperluan tersebut bagi memastikan PPPT layak menikmati kemudahan yang ditetapkan dalam program LSI tersebut.

Disediakan oleh:
Unit Kecemerlangan Bakat dan
Unit Pembangunan Kompetensi
Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti



PANDUAN PELAKSANAAN

Program Sangkutan Pensyarah di Industri

PPPT

Versi 2021

KANDUNGAN

BAB 1: Pendahuluan	1
BAB 2: Jenis-Jenis Sangkutan Pensyarah di Industri	7
2.1. Sangkutan Secara <i>Block-Released</i>	8
2.2. Sangkutan Secara <i>Day-Released</i>	10
2.3. Sangkutan Secara <i>Hour-Released</i>	11
BAB 3: Prosedur Menjalani Sangkutan Pensyarah di Industri	12
3.1. Sebelum Menjalani Sangkutan Industri	13
3.2. Semasa Menjalani Sangkutan Industri	16
3.3. Selepas Menjalani Sangkutan Industri	20
BAB 4: Soalan Lazim	26
Lampiran	32

BAB 1:

Pendahuluan

1.0. PENDAHULUAN

Program sangkutan pensyarah di industri merupakan intervensi untuk memperkayakan pensyarah dengan kemahiran industri selari dengan keperluan *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Melalui program ini, pensyarah di politeknik dan kolej komuniti akan sentiasa dapat mengemas kini kompetensi berkaitan perkembangan teknologi dan amalan baik di industri dalam bidang masing-masing. Bagi melicinkan pelaksanaan program ini, Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK) menerbitkan panduan perlaksanaan ini dengan hasrat seperti berikut:

- ① Menjadi rujukan kepada JPPKK khususnya BKPK dalam memformulasi strategi pembangunan bakat PPPT;
- ② Menjadi rujukan kepada pihak pengurusan institusi dalam merancang dan memantau pelaksanaan sangkutan pensyarah di industri; dan
- ③ Menjadi rujukan kepada semua PPPT yang akan, sedang dan telah menjalani sangkutan di industri.



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

“Meningkatkan kualiti tenaga pengajar dan penyampaian program TVET”

1.1. Apa itu Program Sangkutan Pensyarah di Industri?

Interaksi berstruktur antara pensyarah politeknik atau kolej komuniti bersama pengamal industri sebagai wadah perkongsian pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang pengkhususan beliau. Tujuan program ini adalah supaya pensyarah di politeknik dan kolej komuniti dapat mempelajari dan menguasai teknologi terkini serta amalan baik di industri seterusnya memantapkan pengisian proses pembelajaran dan pengajaran di institusi.

1.2. Apakah jenis-jenis Program Sangkutan Pensyarah di Industri yang diiktiraf JPPKK?



Secara block-released.

Pensyarah diberi pelepasan tugas pembelajaran dan pengajaran (PdP) untuk tempoh minimum **28 hari secara berterusan** bagi melengkapkan sangkutan industri.



Secara day-released.

Pensyarah diberi pelepasan tugas PdP secara harian untuk melengkapkan sangkutan industri. Pensyarah perlu melengkapkan **20 hari secara kumulatif** dalam setahun.



Secara hour-released.

Pensyarah diberi pelepasan tugas PdP dalam kiraan jam untuk melengkapkan sangkutan industri. Pensyarah perlu melengkapkan **154 jam secara kumulatif** dalam setahun.

? Maklumat lanjut sila rujuk di halaman 7

1.3. Siapa yang terlibat dengan Program Sangkutan Pensyarah di Industri?

Semua pensyarah di politeknik dan kolej komuniti yang mengajar kursus teras bidang diwajibkan mengikuti Program ini sekali dalam tempoh DUA (2) tahun. Pensyarah yang hanya mengajar mata pelajaran umum (MPU) dan langsung tidak mengajar kursus teras bidang tidak diwajibkan. Namun sekiranya pihak pengurusan institusi merasakan terdapat keperluan penglibatan mereka, pihak pengurusan boleh menggunakan budi bicara untuk mengarahkan penyertaan atau meluluskan permohonan pegawai.

1.4. Mengapa pensyarah perlu mengikuti Program Sangkutan Pensyarah di Industri?

Sangkutan pensyarah di industri merupakan keperluan *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (MQA, 2019) serta lain-lain standard badan akreditasi program pengajian.

1.5. Bila pensyarah perlu mengikuti Program Sangkutan Pensyarah di Industri?

Setiap pensyarah yang telah disahkan perkhidmatan dalam Skim Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) boleh memohon kepada pengarah institusi masing-masing untuk mengikuti program ini. Pensyarah boleh memohon untuk melaksanakan program ini secara *block-released* atau kumulatif (*day-released* atau *hour-released*). Pengarah institusi atas nasihat Timbalan Pengarah/Ketua Jabatan Akademik/Ketua Program boleh menyusun seterusnya meluluskan permohonan dengan mengambil kira bebanan tugas PdP serta tugas-tugas yang lain. Pengurusan institusi disarankan menyusun jadual pelaksanaan Program ini agar KPI yang ditetapkan dapat dicapai tanpa membebankan warga institusi masing-masing. Pelaksanaan program ini boleh berjalan pada bila-bila masa dalam tahun semasa mengikut kesesuaian.

1.6. Bagaimana Program Sangkutan Pensyarah di Industri ini dilaksanakan?

- i. Pensyarah mengenal pasti kursus yang diajar serta *Course Learning Outcome (CLO)* berkaitan yang memerlukan beliau mendapatkan pengalaman di industri.
- ii. Pensyarah mengenal pasti syarikat serta Rakan Pengamal Industri (RPI) yang bersesuaian untuk melaksanakan program sangkutan di industri. Pensyarah perlu membuat permohonan rasmi kepada pihak syarikat.
- iii. Pensyarah memohon kebenaran daripada pengarah institusi menggunakan borang SIP01.
- iv. Setelah mendapat kelulusan pengarah serta pihak syarikat, pensyarah boleh memulakan program sangkutan industri.
- v. Setelah menyempurnakan sangkutan industri seperti tempoh yang ditetapkan, pensyarah perlu melengkapkan Laporan Teknikal Sangkutan Pensyarah di Industri (LTSPI). LTSPI perlu disemak dan diluluskan oleh Panel Penilai LTSPI.
- vi. Pensyarah yang telah melengkapkan tempoh sangkutan di industri juga diwajibkan berkongsi ilmu dan pengalaman mereka bersama pensyarah-pensyarah lain melalui platform *Lecturer's Industrial Sharing Session (LISS)*.
- vii. Jawatankuasa Pembangunan Profesionalisme Berterusan Institusi (JKPPBI) boleh memperaku pensyarah-pensyarah yang telah menyempurnakan sangkutan di industri seterusnya mengangkat nama mereka kepada Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK) untuk ditauliahkan Sijil Sangkutan Pensyarah di Industri.

1.7. Bagaimanakah kaedah yang dibolehkan untuk melengkapkan Program Sangkutan Pensyarah di Industri?




Secara bersemuka sepenuhnya.

Pensyarah dan Rakan Pengamal Industri (RPI) bersama-sama berada di industri sepanjang tempoh sangkutan dan melaksanakan aktiviti secara bersemuka.



Secara hibrid.

Pensyarah boleh menggabungkan aktiviti secara bersemuka dan secara dalam talian bagi melengkapkan tempoh sangkutan industri seperti yang telah ditetapkan. Secara keseluruhan, pensyarah perlu melaksanakan aktiviti secara bersemuka **sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah keseluruhan interaksi**. Kaedah dalam talian bermaksud pensyarah berada di institusi atau kediaman (sekiranya Bekerja Dari Rumah¹) dan RPI berada di industri atau rumah (sekiranya Bekerja Dari Rumah). Komunikasi dan interaksi berlaku dengan menggunakan teknologi digital dalam talian. 10% secara bersemuka bermaksud 3 hari bagi kaedah *block-released*, 2 hari bagi *day-released* atau 16 jam bagi *hour-released*.



Catatan:

1. Dasar berkaitan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi penjawat awam perlu merujuk kepada pekeling berkaitan yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

1.8. Apakah syarat-syarat permohonan sangkutan pensyarah di industri?

Pensyarah yang berhasrat untuk melaksanakan sangkutan pensyarah di industri perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan. Namun, pengarah institusi boleh mengarahkan pensyarah yang masih belum disahkan dalam perkhidmatan untuk menjalani sangkutan industri sekiranya terdapat keperluan yang amat mendesak;
- ii. Bebas dari sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- iii. Mendapat tawaran atau persetujuan daripada pihak syarikat untuk melaksanakan sangkutan industri di syarikat berkenaan;
- iv. Sihat tubuh badan dan berupaya untuk menjalani latihan sepanjang tempoh yang ditetapkan. Pensyarah tidak mempunyai masalah kesihatan yang kritikal dan tidak hamil (tertakluk kepada polisi syarikat dan skop tugas di industri); dan
- v. Pensyarah tidak dalam keadaan cuti sakit jangka panjang (Tibi/Kusta/Barah), Cuti Belajar Bergaji Penuh atau Separuh Gaji, Cuti Tanpa Gaji, mengikuti program penempatan silang atau ditempatkan secara sementara ke organisasi lain sepanjang tempoh sangkutan.

Catatan:

- i. Pensyarah tidak dibenarkan menukar tarikh, tempoh atau tempat sangkutan industri selepas pihak institusi mengeluarkan surat kelulusan rasmi **KECUALI** mendapat kebenaran pengarah institusi.
- ii. Segala keputusan daripada pengarah institusi dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berkaitan arahan atau permohonan melaksanakan sangkutan pensyarah di industri ini adalah muktamad.

1.9. Bolehkah PPPT yang sedang berkhidmat di Jabatan/Kementerian atau lain-lain agensi mengikuti program sangkutan pensyarah di industri?

PPPT yang sedang berkhidmat di organisasi selain daripada politeknik dan kolej komuniti boleh memohon untuk mengikuti program sangkutan pensyarah di industri. Permohonan khas perlu dibuat kepada Pengarah BKPK JPPKK melalui Ketua Jabatan/Pengarah/Setiausaha Bahagian masing-masing. Prinsip pelaksanaan sangkutan industri bagi pegawai-pegawai yang terlibat adalah sama dengan prinsip yang diterangkan dalam Panduan ini. Namun, *outcome* daripada sangkutan industri ini perlulah menyokong kepada peningkatan kompetensi tugas seseorang pegawai. BKPK akan mengangkat permohonan tersebut kepada Ketua Pengarah JPPKK selaku Ketua Perkhidmatan Skim PPPT. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada budi bicara KP JPPKK.

BAB 2:

Jenis-Jenis Sangkutan Pensyarah di Industri

2.0. JENIS-JENIS SANGKUTAN PENSYARAH DI INDUSTRI

Seperti yang telah diterangkan dalam para 1.2, terdapat tiga (3) jenis sangkutan yang dibenarkan oleh Jabatan:

- 1Secara *block-released* (berterusan)
- 2Secara *day-released* (kumulatif)
- 3Secara *hour-released* (kumulatif)

2.1. Sangkutan Secara *Block-Released*

Pensyarah diberi pelepasan tugas PdP untuk tempoh **28 hari secara berterusan** termasuk cuti mingguan dan kelepasan am bagi melengkapkan sangkutan industri.

Bagi institusi yang berada dalam negeri-negeri kumpulan A seperti di Jadual 2.1a, hari pertama pensyarah diberi pelepasan tugas PdP adalah pada hari Isnin dalam mana-mana minggu yang ditetapkan pihak pengurusan institusi. Sekiranya hari Isnin yang ditetapkan jatuh pada hari pelepasan am, hari tersebut masih lagi dianggap hari pertama. Pensyarah dikehendaki kembali memulakan tugas PdP di institusi pada hari ke-29 (Isnin). Bagi institusi yang berada dalam negeri-negeri kumpulan B pula seperti di Jadual 2.1b, hari pertama adalah pada hari Ahad dan pensyarah perlu kembali memulakan tugas PdP di institusi pada hari ke-29 (Ahad). Bagi pensyarah yang menjalani sangkutan industri di negeri yang berbeza kumpulan dengan institusi beliau, tempoh 28 hari adalah mengikut negeri di mana sangkutan industri dibuat.

Jadual 2.1a: Tempoh Sangkutan Industri Secara *Block-Released* Bagi Negeri-Negeri Kumpulan A - Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)

Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
Hari 1	Hari 2	Hari 3	Hari 4	Hari 5	Hari 6	Hari 7
Hari 8	Hari 9	Hari 10	Hari 11	Hari 12	Hari 13	Hari 14
Hari 15	Hari 16	Hari 17	Hari 18	Hari 19	Hari 20	Hari 21
Hari 22	Hari 23	Hari 24	Hari 25	Hari 26	Hari 27	Hari 28

Jadual 2.1b: Tempoh Sangkutan Industri Secara *Block-Released* Bagi Negeri-Negeri Kumpulan B: Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
Hari 1	Hari 2	Hari 3	Hari 4	Hari 5	Hari 6	Hari 7
Hari 8	Hari 9	Hari 10	Hari 11	Hari 12	Hari 13	Hari 14
Hari 15	Hari 16	Hari 17	Hari 18	Hari 19	Hari 20	Hari 21
Hari 22	Hari 23	Hari 24	Hari 25	Hari 26	Hari 27	Hari 28

Contoh 1:

Cik Farah merupakan pensyarah di Politeknik Gombak, Selangor dan beliau ingin menjalani SIP untuk tempoh 28 hari. Beliau telah diluluskan untuk menjalani sangkutan industri di Syarikat Limau Kasturi yang beralamat di KLCC, Kuala Lumpur bermula 1 Februari 2021 (Isnin). Bilakah tarikh Cik Farah perlu kembali bertugas di Politeknik Gombak selepas tamat sangkutan industri?

Jawapan:

Hari pertama Cik Farah masih lagi 1 Februari 2021 (Isnin) walaupun tarikh tersebut merupakan cuti am bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu Cik Farah perlu kembali bertugas di Politeknik Gombak pada 1 Mac 2021 (Isnin).

Contoh 2:

En. Logan merupakan pensyarah di Kolej Komuniti Dabong, Kelantan. Beliau telah diluluskan untuk menjalani sangkutan industri di Syarikat Epal Hijau yang beralamat di Dungun, Terengganu. Walau bagaimanapun, bagi tujuan sangkutan industri Syarikat Epal Hijau menempatkan En. Logan di tapak binaan di Kuantan, Pahang bermula 1 Februari 2021 (Isnin). Bilakah tarikh En Logan perlu kembali bertugas di Kolej Komuniti Dabong selepas tamat sangkutan industri?

Jawapan:

Hari pertama En. Logan dikira bermula 1 Februari 2021 (Isnin) kerana tapak binaan di mana beliau menjalani sangkutan industri berada dalam negeri Kumpulan A; Walaupun Kolej Komuniti Dabong dan ibu pejabat Syarikat Epal Hijau berada dalam negeri Kumpulan B. Oleh itu, En. Logan perlu kembali bertugas di Kolej Komuniti Dabong pada 1 Mac 2021 (Isnin).

Bolehkah Sangkutan Industri secara *block-released* diteruskan sekiranya Kerajaan mengumumkan sekatan pergerakan seperti Perintah Kawalan Pergerakan?

Jawapan:

Keputusan ini bergantung kepada pendekatan operasi oleh pihak syarikat. Sekiranya pihak syarikat membenarkan sangkutan industri dilaksanakan secara dalam talian, tempoh 28 hari adalah berjalan seperti biasa walaupun pensyarah Bekerja Dari Rumah (BDR). Namun, sekiranya pihak syarikat mewajibkan pensyarah berada di satu-satu tempat dalam kawasan yang dikenakan sekatan pergerakan, pensyarah perlu mematuhi setiap ketetapan yang diumumkan pihak kerajaan dari semasa ke semasa. Sekiranya sudah tiada kaedah untuk sangkutan industri diteruskan kerana sekatan ini, baki tempoh sangkutan tersebut boleh di bawa ke suatu tarikh lain yang dipersetujui pihak pengurusan institusi dan syarikat. Namun, sangkutan industri ini perlulah dilengkapkan dalam tahun yang sama.

2.2. Sangkutan Secara *Day-Released*

Pensyarah diberi pelepasan tugas PdP secara harian untuk melengkapkan sangkutan industri. Pensyarah perlu melengkapkan **20 hari bekerja secara terkumpul dalam tahun yang sama**. Sekiranya pegawai tidak dapat menyempurnakan tempoh kumulatif 20 hari dalam tahun yang sama, pegawai perlu memulakan semula interaksi hari pertama pada tahun berikutnya. Interaksi yang telah dikumpulkan pada tahun sebelum itu tidak akan diambil kira. 20 hari ini ditetapkan berdasarkan tempoh hari bekerja yang disetarakan dengan tempoh 28 hari secara *block-released* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2. Waktu bekerja sehari adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019. Untuk sangkutan industri jenis ini, pensyarah perlu mengisi Rekod Pertemuan atau Interaksi dan disahkan oleh pihak syarikat. Format Rekod Interaksi adalah seperti di Lampiran B (Borang SIP02).

Jadual 2.2: Kiraan Hari Bekerja Yang Disetarakan Dengan Kaedah *Block-Released*.

Kumpulan A						
Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
Kumpulan B						
Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
Hari 1	Hari 2	Hari 3	Hari 4	Hari 5	Cuti	Cuti
Hari 6	Hari 7	Hari 8	Hari 9	Hari 10	Cuti	Cuti
Hari 11	Hari 12	Hari 13	Hari 14	Hari 15	Cuti	Cuti
Hari 16	Hari 17	Hari 18	Hari 19	Hari 20	Cuti	Cuti

Contoh:

Puan Tanusha telah melengkapkan Sangkutan di industri selama 13 hari dalam tahun 2021. Bolehkan beliau menyambung lagi 7 hari dalam tahun 2022 untuk menyempurnakan 20 hari sangkutan industri secara *day-released*?

Jawapan:

Tidak boleh. Sangkutan industri secara *day-released* perlu disempurnakan dalam tahun yang sama. Dalam kes Puan Tanusha, beliau perlu melengkapkan baki 20 hari dalam tahun yang sama (2021) untuk dikira sebagai melengkapkan sangkutan industri. Sekiranya beliau hanya dapat melengkapkan 13 hari dalam tahun 2021, sangkutan industri beliau diklasifikasikan sebagai tidak lengkap dan Sijil Sangkutan Pensyarah di Industri tidak akan dikeluarkan kepada beliau.

2.3. Sangkutan Secara *Hour-Released*

Pensyarah diberi pelepasan tugas PdP dalam kiraan jam untuk melengkapkan sangkutan industri. Pensyarah perlu melengkapkan **154 jam secara terkumpul dalam tahun yang sama**. Sekiranya pegawai tidak dapat menyempurnakan masa kumulatif 154 jam dalam tahun yang sama, pegawai perlu memulakan interaksi jam pertama pada tahun berikutnya. Interaksi yang telah dikumpulkan pada tahun sebelum itu tidak akan diambil kira. 154 jam ini ditetapkan berdasarkan kiraan 38 jam 30 minit didarabkan dengan 4. 38 jam 30 minit merupakan waktu bekerja rasmi penjawat awam dalam seminggu seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019. 4 pula merujuk kepada 4 minggu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2. Untuk Sangkutan Industri jenis ini, pegawai perlu mengisi Rekod Pertemuan atau Interaksi dan disahkan oleh pihak syarikat. Format Rekod Interaksi adalah seperti di Lampiran B (Borang SIP02).

Contoh:

En Charles telah mengumpulkan jam interaksi bersama industri selama 80 jam dalam tahun 2021. Bolehkan beliau menyambung baki 74 jam interaksi dalam tahun 2022 untuk menyempurnakan 154 jam sangkutan industri secara *hour-released*?

Jawapan:

Tidak boleh. Sangkutan industri secara *hour-released* perlu disempurnakan dalam tahun yang sama. Dalam kes En Charles, beliau perlu melengkapkan baki 74 jam dalam tahun yang sama (2021) juga untuk dikira sebagai melengkapkan sangkutan industri. Sekiranya beliau hanya dapat melengkapkan 80 jam dalam tahun 2021, sangkutan industri beliau diklasifikasikan sebagai tidak lengkap dan Sijil Sangkutan Pensyarah di Industri tidak akan dikeluarkan kepada beliau.

Catatan:

Sekiranya terdapat keperluan untuk PPPT mengikuti program sangkutan pensyarah di industri melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Panduan ini, permohonan khas perlulah dikemukakan kepada Pengarah BKPK melalui Ketua Jabatan/Pengarah/Setiausaha Bahagian masing-masing. BKPK akan mengangkat permohonan tersebut kepada Ketua Pengarah JPPKK selaku Ketua Perkhidmatan Skim PPPT. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada budi bicara KP JPPKK.

BAB 3:


Prosedur Menjalani Sangkutan Pensyarah di Industri

3.0. PROSEDUR MENJALANI SANGKUTAN PENSYARAH DI INDUSTRI

Prosedur menjalani sangkutan pensyarah di industri boleh dipecahkan kepada 3 keadaan:

- 1 **Sebelum Sangkutan Industri**
- 2 **Semasa Sangkutan Industri**
- 3 **Selepas Sangkutan Industri**

3.1. Sebelum Menjalani Sangkutan Industri



Petunjuk

Tanggungjawab
Pegawai

Tanggungjawab
Institusi

1. Permohonan perlu dibuat melalui institusi masing-masing menggunakan kepala surat rasmi institusi.
2. Borang SIP01 adalah seperti di Lampiran A

3.1.1 Tanggungjawab Pensyarah Dan Pegawai Penyelia Untuk Merancang Sangkutan Industri

Pensyarah perlu berbincang bersama pegawai penyelia masing-masing sebelum mengemukakan permohonan kepada Pengarah institusi. Pegawai penyelia di politeknik adalah Ketua Jabatan Akademik pensyarah yang memohon atau Timbalan Pengarah (Akademik) politeknik tersebut. Manakala di Kolej Komuniti (KK), pegawai penyelia adalah Ketua Program pensyarah yang memohon atau Timbalan Pengarah (Akademik) KK tersebut.

Antara perkara yang perlu dibincangkan oleh pensyarah bersama pegawai penyelia masing-masing adalah:

- i. Tahap CLO yang hendak dikupas dan kedalaman penguasaan yang diharapkan daripada sangkutan industri ini;
- ii. Kesesuaian jangka masa sangkutan industri dengan CLO yang hendak dikupas;
- iii. Kesesuaian berkomunikasi secara dalam talian (bagi kaedah hibrid) untuk menguasai sesuatu CLO. Perlu diingatkan bahawa tujuan sangkutan industri ini adalah supaya pensyarah di politeknik dan kolej komuniti dapat mempelajari dan menguasai **teknologi terkini** serta **amalan baik** di industri seterusnya memantapkan pengisian proses PdP di institusi;
- iv. Kesesuaian syarikat dan Rakan Pengamal Industri (RPI) yang dicadangkan oleh pensyarah. Pegawai penyelia perlu menyemak latar belakang RPI agar benar-benar dapat membantu pensyarah mencapai matlamat sangkutan industri; dan
- v. Lain-lain ketetapan yang difikirkan perlu.

3.1.2 Kriteria Pemilihan Syarikat Untuk Dijadikan Tempat Menjalani Sangkutan Industri

Kriteria 1

Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Kriteria 2

Syarikat melaksanakan aktiviti perniagaan yang mampu membantu Pensyarah mencapai *Course Learning Outcome (CLO)* yang dipilih. Bagi CLO yang berbentuk umum, kandungan topik silibus perlu dirujuk.

Kriteria 3

Syarikat mempunyai *resource person* yang berpengalaman dan akan dijadikan Rakan Pengamal Industri (RPI) kepada pensyarah berkaitan. RPI berfungsi sebagai *industrial coach* kepada pensyarah berkaitan teknologi dan/atau amalan baik yang dipraktikkan di syarikat berkaitan.

Catatan Tambahan:

Secara umum, pensyarah **TIDAK** dibenarkan memilih organisasi berikut untuk melaksanakan sangkutan industri:

- i. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Kesatuan Sekerja;
- ii. Syarikat yang dimiliki oleh ahli keluarga terdekat pensyarah yang memohon. Ahli keluarga terdekat yang dimaksudkan adalah bapa/ibu/suami/isteri/adik beradik/anak;
- iii. Institusi pengajian tinggi awam atau swasta;
- iv. Pusat latihan dalam kementerian yang sama atau lain-lain kementerian; dan
- v. Syarikat yang menyediakan perkhidmatan seminar/latihan/pengajian.


Namun, pengarah institusi boleh menggunakan budi bicara beliau untuk membenarkan pensyarah menjalani sangkutan industri di organisasi yang disenaraikan di atas sekiranya hanya organisasi tersebut sahaja yang melaksanakan perkhidmatan atau aktiviti seperti yang dinyatakan dalam CLO yang dipilih oleh pensyarah.

Syarikat luar negara:

Pensyarah dibenarkan untuk menjalankan sangkutan industri dengan syarikat luar negara tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Syarikat tersebut merupakan syarikat yang berdaftar dengan organisasi pendaftaran dan pengurusan perniagaan sesebuah negara;
- ii. Syarikat mempunyai aktiviti perniagaan seperti pejabat tapak, kilang atau tapak bina di Malaysia;
- iii. Pensyarah hanya dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti sangkutan secara bersemuka di Malaysia.

3.2. Semasa Menjalani Sangkutan Industri



Petunjuk

Tanggungjawab Pegawai	Tanggungjawab Institusi
-----------------------	-------------------------

1. Borang SIP02 adalah seperti di Lampiran B. Borang ini wajib diisi oleh pensyarah yang menggunakan kaedah *day-released* atau *block-released* sahaja. Sesalinan Borang SIP02 hendaklah diserahkan kepada PLPL/PLPS (atau mana-mana pihak lain yang memerlukan) setelah tamat sangkutan di industri sebagai rekod.

2. Pemantauan Kemajuan Pensyarah melibatkan aspek kawalan dalaman seperti berikut:

- i. Kehadiran dan keberadaan pensyarah;
- ii. Kemajuan pensyarah menguasai CLO yang hendak dipelajari di industri; dan
- iii. Masalah yang dihadapi oleh pensyarah (sekiranya ada).

Pengurusan institusi boleh menetapkan sendiri kaedah pemantauan yang praktikal mengikut keperluan dan kemampuan institusi masing-masing.

3.2.1. Rakan Pengamal Industri (RPI)

Rakan Pengamal Industri atau singkatannya RPI merupakan individu yang berpengalaman dan kompeten di industri dalam melaksanakan sesuatu tugas yang khusus (*task*). RPI boleh terdiri daripada sesiapa sahaja tanpa mengira kedudukan dalam hierarki syarikat atau kelulusan akademik. RPI yang bagus adalah mereka yang memiliki kelayakan profesional atau sijil profesional dalam sesuatu kerja (*trade*). Pensyarah perlu memilih RPI yang bersesuaian dengan CLO yang hendak dipelajari. RPI perlu mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam sesuatu *task* yang hendak dipelajari oleh pensyarah sangkutan. Secara ringkas, RPI akan menjadi *industrial coach* kepada pensyarah yang sedang menjalani sangkutan industri di satu-satu syarikat.

3.2.2. Cuti Semasa Menjalani Sangkutan Industri

Bagi pensyarah yang melaksanakan sangkutan industri secara *block-released*.

Secara umum, pensyarah tidak digalakkan untuk mengambil cuti sepanjang tempoh sangkutan industri. Bagi sangkutan industri secara *block-released*, pensyarah hanya dibenarkan untuk mengambil cuti tidak melebihi tiga (3) hari sepanjang tempoh 28 hari sangkutan bagi kes-kes kecemasan sahaja. Pensyarah perlu mendapatkan kelulusan pihak industri dan institusi untuk kemudahan cuti ini. Sebagai penjawat awam, pensyarah masih lagi perlu memohon cuti melalui sistem HRMIS.

Bagi pensyarah yang melaksanakan sangkutan industri secara *day-released* dan *hour-released*.

Bagi sangkutan industri secara *day-released* dan *hour-released*, pensyarah perlu menyusun perancangan cuti rehat masing-masing agar tidak bertembung dengan sesi pertemuan atau interaksi bersama pihak industri. Dalam kes-kes kecemasan atau cuti sakit, pensyarah perlu memaklumkan pihak industri kekangan untuk menghadiri sesi pertemuan atau interaksi dan menetapkan tarikh atau masa baharu untuk sesi tersebut. Pensyarah juga bertanggungjawab memaklumkan pegawai penyelia masing-masing di institusi berkaitan penjadualan semula sesi pertemuan atau interaksi ini.

Catatan:



1. Para pensyarah diingatkan bahawa sesi pertemuan atau interaksi bersama pihak industri semasa tempoh sangkutan industri merupakan sebahagian daripada tugas rasmi. Kegagalan pensyarah memaklumkan secara rasmi kepada pengarah institusi melalui pegawai penyelia berkaitan keberadaan masing-masing boleh dianggap tidak hadir bertugas atau tidak dapat dikesan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 26 dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993].
1. Pegawai penyelia di politeknik adalah Ketua Jabatan Akademik pensyarah yang memohon atau Timbalan Pengarah (Akademik) politeknik tersebut. Manakala di Kolej Komuniti (KK), pegawai penyelia adalah Ketua Program pensyarah yang memohon atau Timbalan Pengarah (Akademik) KK tersebut.

3.2.3. Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pensyarah Yang Sedang Menjalani Sangkutan Di Industri

Secara umum, pensyarah yang sedang menjalani sangkutan di industri boleh diklasifikasikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Awam yang sedang mengikuti kursus pendek sepenuh masa di dalam negeri. Oleh itu, kelayakan tuntutan elaun dan kemudahan berkaitan adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan-peraturan kewangan yang berkaitan dan sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dengan mengambil kira kemampuan peruntukan kewangan sedia ada institusi masing-masing. Pengarah institusi juga diingatkan agar sentiasa mematuhi arahan dan peraturan berkaitan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan yang dikeluarkan oleh KPT/JPPKK dari semasa ke semasa.

Bagi pensyarah yang mengikuti LSI, peraturan dan tatacara tuntutan elaun dan kemudahan berkaitan adalah tertakluk kepada arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak CIAST dari semasa ke semasa.

3.2.4. Peraturan Tatakelakuan Dan Tatatertib Pensyarah Yang Sedang Menjalani Sangkutan Di Industri


Pensyarah yang sedang mengikuti sangkutan industri masih lagi seorang anggota perkhidmatan awam. Peraturan mengenai tatakelakuan dan tatatertib bagi anggota perkhidmatan awam adalah diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pensyarah juga diingatkan agar sentiasa mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005 bertajuk Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

TATAKELAKUAN (*CODE OF CONDUCTS*) PENJAWAT AWAM

Tatakelakuan (*code of conducts*) bagi anggota perkhidmatan awam adalah seperti diperuntukkan di bawah peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

1. Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setia kepada yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;
2. Seseorang pegawai tidak boleh:
 - a. membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadinya;
 - b. berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya;
 - c. berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa:
 - i. dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau
 - ii. dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri;
 - d. berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan/mencemarkan nama perkhidmatan awam;
 - e. kurang cekap atau kurang berusaha;
 - f. tidak jujur atau tidak amanah;
 - g. tidak bertanggungjawab;
 - h. membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain;
 - i. ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
 - j. cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.
3. Seseorang pegawai tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain, iaitu, seseorang pegawai tidak boleh:
 - a. membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, atau meminta layanan seksual daripada orang itu; atau
 - b. melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

3.3. Selepas Menjalani Sangkutan Industri



Petunjuk

Tanggungjawab Pegawai	Tanggungjawab Institusi	Tanggungjawab BKPK
-----------------------	-------------------------	--------------------

3.3.1. Kandungan Laporan Teknikal Sangkutan Pensyarah di Industri (LTSPI)

LTSPI boleh disediakan sama ada dalam bentuk manuskrip **atau** video. Pegawai boleh memilih mana-mana bentuk laporan (manuskrip atau video) mengikut kesesuaian tetapi perlu mendapat **Pengesahan Syarikat mengenai kandungan LTSPi**.

Kandungan Laporan perlu merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Maklumat Pegawai dan Institusi
2. Maklumat Syarikat dan RPI
3. Pernyataan CLO yang hendak dikupas semasa Sangkutan Industri
4. *Method Statement*
5. Kesimpulan dan Refleksi
6. Lampiran sekiranya ada.

Panjang laporan:

- Manuskrip mengandungi 5,000 – 10,000 perkataan tidak termasuk muka hadapan dan lampiran (sekiranya ada); atau
- Video berdurasi 5 – 10 minit tidak termasuk *preview* dan *credit* (sekiranya ada).

Panduan Kepada Institusi

1. Institusi boleh membangunkan garis panduan tambahan Format Penulisan atau format video LTSPi mengikut kesesuaian institusi tetapi perlu merangkumi 6 item yang dinyatakan di atas.
2. Setiap LTSPi perlu disertakan dengan “Pengakuan Pegawai dan Pengesahan Industri” seperti di Lampiran C.


3.3.2. Panel Penilai Laporan Teknikal Sangkutan Pensyarah di Industri (LTSPI)

Keanggotaan:

- i. Seorang Timbalan Pengarah atau Pensyarah Gred DH48 dan ke atas selaku Ketua Panel;
- ii. Seorang wakil daripada industri yang berkaitan selaku Ahli Panel; dan
- iii. Seorang Ketua Program/Kursus atau pensyarah dalam bidang yang sama Gred DH44 dan ke atas selaku Ahli Panel

Terma Rujukan:

- i. Menyemak LTSPI berdasarkan format yang ditetapkan pihak institusi; dan
- ii. Membuat penilaian terhadap LTSPI berdasarkan wajaran pemarkahan yang ditetapkan pihak institusi



- 1 Timbalan Pengarah atau Pensyarah Gred DH48 ke atas (Ketua Panel)
- 2 Wakil Industri
- 3 Ketua Program/Kursus atau Pensyarah Bidang Gred DH44 ke atas

3.3.3. *Lecturer's Industrial Sharing Session (LISS)*

- LISS merupakan platform bagi perkongsian pengetahuan dan pengalaman pensyarah yang telah melengkapkan sangkutan di industri.
- Objektif LISS diwujudkan adalah supaya pensyarah yang telah menyelesaikan sangkutan di industri dapat menyebar luas ilmu yang telah diperolehi semasa tempoh sangkutan dan berkongsi pengalaman kepada pensyarah yang lain terutama mereka yang mengajar dalam program yang sama.
- Pensyarah perlu membentangkan apa yang telah dipelajari semasa berada di industri terutamanya dari konteks pencapaian CLO dalam bentuk *method statement*. *Method statement* adalah penerangan bagaimana sesuatu tugas dilaksanakan dalam persekitaran sebenar mengikut amalan baik industri termasuk teknologi yang digunakan serta langkah-langkah keselamatan yang diambil.
- Pihak institusi boleh menetapkan pelaksanaan LISS sama ada berbentuk seminar, kolokium, syarahan atau seumpamanya. Pihak institusi juga boleh menetapkan sama ada LISS ini hendak dilaksanakan secara bersemuka, dalam talian atau campuran kedua-dua kaedah.
- Pihak institusi perlu menggalakkan penglibatan pegawai-pegawai lain (PPPT atau lain-lain skim) terutama pensyarah yang mengajar dalam program yang sama sebagai peserta LISS. Penyertaan dalam program LISS ini boleh dikira sebagai menghadiri latihan dan diambil kira dalam pengiraan hari berkursus tahunan pegawai.
- Jabatan tiada halangan sekiranya pihak institusi berhasrat membuka penyertaan LISS kepada pelajar atau pihak luar.
- Panel LTSPI perlu dilibatkan semasa LISS kerana LISS membawa wajaran 40% daripada markah keseluruhan LTSPI.



3.3.4. Wajaran Pemarkahan LTSPI

A. Laporan Teknikal: (60%)

Elemen Penilaian dan Definisi Operasi	Wajaran
1. Pencapaian CLO yang ditetapkan Pegawai sebelum menghadiri Sangkutan Industri – Tahap kemampuan melaporkan pencapaian CLO dalam bentuk <i>method statement</i> ¹	30%
2. Kandungan LTSPI – Tahap kemampuan Pegawai menyusun isi Laporan dengan teratur dan mudah difahami.	20%
3. Kekemasan dan usaha tambahan Pegawai menyediakan LTSPI - Tahap kemampuan Pegawai menyempurnakan Laporan dengan kemas mengikut format yang ditetapkan institusi	10%

B. Pembentangan Semasa LISS: (40%)

Elemen Penilaian dan Definisi Operasi	Wajaran
1. Kandungan Pembentangan - Tahap kemampuan Pegawai menyusun isi pembentangan dengan teratur dan mudah difahami	20%
2. Kaedah Pembentangan - Tahap kemampuan Pegawai mengadakan elemen audio visual ke dalam pembentangan supaya menjadi menarik dan tidak membosankan	20%

Catatan:

1. *Method statement* adalah penerangan bagaimana tugas dilaksanakan mengikut amalan baik industri termasuk teknologi yang digunakan serta langkah-langkah keselamatan yang diambil.

Panduan Kepada Institusi

1. Institusi boleh membangunkan instrumen pengukuran dan rubrik pemarkahan sendiri berdasarkan wajaran pemarkahan LTSPI yang ditetapkan. Jabatan tiada halangan sekiranya institusi mempunyai kriteria tambahan yang hendak diukur, tetapi kriteria tersebut perlulah menyokong 5 elemen penilaian yang ditetapkan beserta definisi operasinya.
2. Markah lulus penilaian LTSPI adalah 50% secara keseluruhan. Pembentangan semasa LISS adalah **WAJIB**. Oleh itu, walaupun Pegawai mendapat markah 50% atau lebih bagi laporan teknikal beliau, Pegawai tetap dianggap **GAGAL** sekiranya beliau enggan membuat pembentangan.
3. Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan (PLPL) / Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf (PLPS) perlu membentangkan senarai pensyarah yang telah melengkapkan sangkutan industri beserta markah LTSPI mereka semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Profesionalisme Berterusan Institusi (JKPPBI) di institusi masing-masing



Sila rujuk:

**Panduan Penubuhan Dan Pelaksanaan
Jawatankuasa Pembangunan Profesionalisme Berterusan Institusi
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi**

BAB 4:

Soalan Lazim

Bab ini merupakan kompilasi soalan-soalan yang lazim dikemukakan kepada BKPK berkaitan Sangkutan Pensyarah di Industri.

Soalan-soalan ini diolah semula agar bertepatan dengan Panduan Pelaksanaan ini.

4.0. SOALAN LAZIM

4.1. Adakah Program Latihan Sangkutan Industri (LSI) masih wujud dan diterima sebagai Sangkutan Pensyarah di Industri seperti dalam panduan ini?

Jawapan:

Penawaran Program Latihan Sangkutan Industri (LSI) adalah di bawah seliaan pihak Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dan terbuka kepada semua tenaga pengajar TVET. Oleh itu, Jabatan melalui pegawai latihan di institusi masing-masing akan membuat pemakluman dari semasa ke semasa sekiranya program ini dibuka oleh pihak CIAST. Bagi memastikan LSI yang dijalankan turut diiktiraf sebagai sangkutan pensyarah di industri, pensyarah perlu memenuhi keperluan Panduan ini. Sekiranya terdapat pertambahan keperluan daripada pihak CIAST yang melebihi keperluan Panduan ini, Pensyarah juga perlu memenuhi keperluan tersebut bagi memastikan Pensyarah layak menikmati kemudahan yang ditetapkan dalam program LSI tersebut.

4.2. Saya telah melengkapkan sangkutan industri pada tahun 2020 dan telah mendapat sijil SIP. Perlukah saya menghadiri sangkutan industri lagi pada tahun 2021?

Jawapan:

Seperti yang diterangkan di halaman 3 Panduan ini, setiap pensyarah yang mengajar kursus teras bidang di institusi perlu memiliki sekurang-kurangnya 1 bulan pengalaman di industri bagi setiap 2 tahun. Oleh itu, sekiranya anda sudah melengkapkan dan memperolehi sijil sangkutan industri pada tahun 2020, anda tidak perlu melaksanakan sangkutan industri untuk tahun 2021. Sijil tersebut masih boleh digunapakai untuk tahun 2020 dan 2021. Anda hanya perlu melaksanakan sangkutan industri yang berikutnya pada tahun 2022.

4.3. Saya PPPT berkelulusan Kejuruteraan tetapi saya ditempatkan di JMSK di Politeknik saya. Bolehkah saya mengikuti sangkutan industri ini dan sekiranya boleh, adakah penyertaan saya akan membantu Politeknik saya mencapai KPI?

Jawapan:

PPPT yang berada di Jabatan Matematik Sains & Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am di Politeknik tidak diambil kira dalam pencapaian KPI, namun tiada larangan kepada PPPT untuk menjalani program sangkutan industri bagi peningkatan kompetensi pegawai. Walau bagaimanapun, keputusan untuk membenarkan atau tidak mana-mana pegawai di institusi untuk melaksanakan sangkutan industri adalah di bawah bidang kuasa pengarah institusi tersebut

4.4. Saya dilantik sebagai Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti saya. Saya berminat untuk mengikuti sangkutan industri. Bolehkah saya berbuat demikian dan adakah penyertaan saya akan membantu Kolej Komuniti saya mencapai KPI?

Jawapan:

PPPT yang dilantik sebagai Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH), Pensyarah Pendidikan Islam dan Bahasa Inggeris di Kolej Komuniti tidak diambil kira dalam pencapaian KPI, namun tiada larangan kepada PPPT untuk menjalani program sangkutan industri bagi peningkatan kompetensi pegawai. Walau bagaimanapun, keputusan untuk membenarkan atau tidak mana-mana pegawai di institusi untuk melaksanakan sangkutan industri adalah di bawah bidang kuasa pengarah institusi tersebut.

4.5. Sekiranya semua pensyarah perlu melaksanakan SIP, bagaimana dengan proses PdP?Jawapan:

Pihak institusi disarankan mengenalpasti terlebih dahulu pensyarah teras bidang yang tidak pernah mengikuti program sangkutan pensyarah di industri. Keutamaan untuk melaksanakan sangkutan di industri perlu diberikan kepada pensyarah-pensyarah ini. Pihak institusi boleh membuat jadual agar beberapa pensyarah boleh menjalani sangkutan industri secara *day-released* atau *hour-released* secara bergilir-gilir agar tidak mengganggu proses PdP di institusi.

4.6. Saya telah dianungarahkan *Professional Technologist* (Ts) dan ianya masih aktif untuk tahun 2022, selain itu saya juga mempunyai Sijil Profesional dari CISCO dan tidak mempunyai tarikh luput. Perlukah saya memohon untuk sangkutan pensyarah di industri ini pada tahun 2022?Jawapan:

Pada masa sekarang, pencapaian KPI berkaitan pemerksaan bakat adalah merujuk kepada bilangan PPPT dan bukannya berdasarkan kekerapan penyertaan. Sehubungan itu, anda telah menyumbang kepada pencapaian KPI institusi anda kerana memiliki kelayakan profesional dan sijil profesional. Disebabkan anda memiliki kelayakan profesional (dalam contoh ini *Professional Technologist* atau lebih dikenali sebagai Ts) dan sijil profesional yang tidak mempunyai tarikh luput, anda akan sentiasa menyumbang kepada pencapaian KPI institusi anda pada setiap tahun. Walaupun begitu, tiada larangan untuk anda menjalani program sangkutan industri bagi peningkatan kompetensi anda. Keputusan untuk membenarkan atau tidak mana-mana pegawai di institusi untuk melaksanakan sangkutan industri adalah di bawah bidang kuasa pengarah institusi tersebut.

4.7. Saya telah dianugerahkan Sijil Profesional dari Suruhanjaya Tenaga dan tarikh luput sijil saya ialah pada 30 November 2022. Apakah yang perlu saya buat supaya saya dapat membantu institusi saya mencapai KPI yang ditetapkan bagi tahun 2022?

Jawapan:

Bagi tujuan KPI, hanya sijil professional atau sijil industri yang masih sah laku pada 31 Disember tahun berkenaan akan diambil kira. Sehubungan itu, bagi mana-mana sijil yang mempunyai tarikh luput sebelum 31 Disember sesuatu tahun (bagi contoh ini tahun 2022), sijil pegawai tersebut tidak diambil kira dalam pencapaian KPI Institusi tahun 2022. Dalam kes ini, anda mempunyai tiga pilihan untuk membantu institusi anda mencapai KPI tahun 2022 iaitu:

- i. melengkapkan sangkutan industri pada tahun 2022; atau
- ii. mengikuti latihan untuk mendapatkan sijil profesional yang tarikh luputnya selepas 31 Disember 2022; atau
- iii. Mendapatkan kelayakan profesional daripada badan-badan profesional sebelum 31 Disember 2022.

4.8. Bolehkah interaksi saya bersama pihak industri tidak diterima sebagai sangkutan pensyarah di industri?

Jawapan:

Interaksi seseorang pensyarah bersama pihak industri hanya akan diiktiraf sebagai sangkutan pensyarah di industri sekiranya memenuhi semua kriteria yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan ini dan diperakukan oleh JKPPBI anda. Menjawab soalan anda, JKPPBI mempunyai hak untuk tidak memperaku interaksi anda sekiranya ia tidak menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan. Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya hanya akan mengeluarkan Sijil Sangkutan Pensyarah di Industri selepas mendapat perakuan JKPPBI.

4.9. Saya merupakan pengarah di salah sebuah politeknik KPT. Bolehkah saya menyertai program sangkutan pensyarah di industri ini?

Jawapan:

Bagi PPPT yang menyandang jawatan pengarah di institusi, anda perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Ketua Pengarah JPPKK untuk melaksanakan sangkutan di industri. Anda perlu membuat permohonan kepada Ketua Pengarah JPPKK melalui Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya untuk tujuan ini.

4.10. Saya merupakan PPPT yang bertugas di JPPKK. Bolehkah saya menyertai program sangkutan pensyarah di industri ini?

Jawapan:

Bagi PPPT yang menyandang apa-apa jawatan di JPPKK, anda perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Ketua Pengarah JPPKK untuk melaksanakan sangkutan di industri. Anda perlu membuat permohonan kepada Ketua Pengarah JPPKK melalui Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK) untuk tujuan ini. Bagi PPPT yang menyandang apa-apa jawatan di mana-mana organisasi selain JPPKK, politeknik dan kolej komuniti, anda perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Ketua Jabatan masing-masing dan Ketua Pengarah JPPKK melalui BKPK. Untuk tujuan pengiktirafan, anda perlu memenuhi setiap kriteria yang dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Program Sangkutan Pensyarah di Industri ini termasuk pembentangan melalui platform LISS. Sila berhubung dengan Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk maklumat lanjut.

Lampiran

LAMPIRAN A:
Borang SIP 01 – Borang Permohonan Menjalani Sangkutan
Pensyarah Di Industri

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Borang Permohonan Menjalani Sangkutan Pensyarah Di Industri

Bahagian A: Maklumat Pegawai

Nama Pegawai	:	
No Kad Pengenalan	:	
Subbidang ¹	:	
Unit/Jabatan	:	
Institusi	:	

1. Sila rujuk Inventori Bidang PPPT versi terkini yang boleh dimuat turun melalui ESIS

Bahagian B: Maklumat Syarikat

Nama Syarikat	:	
No Pendaftaran	:	
Alamat Syarikat	:	
Alamat Penempatan Pegawai Semasa Sangkutan Industri	:	

Bahagian C: Perincian Tujuan Sangkutan Industri

(i) Sangkutan Industri ini akan mengupas perkara berikut:

Penyataan CLO Berkaitan	:	
Kod Kursus	:	
Nama Kursus	:	

(ii) Manfaat secara langsung kepada program pengajian

Nama Program	:	
--------------	---	--

Bahagian D: Kaedah Pelaksanaan

Jenis	Pilihan*	Jangkaan tarikh pelaksanaan (bermula.. sehingga...)
Secara <i>Block-Released</i>		
Secara <i>Day-Released</i>		
Secara <i>Hour-Released</i>		

* tandakan ✓ untuk pilihan anda

Permohonan:

Adalah saya seperti butiran di Bahagian A memohon untuk diberi pelepasan tugas pembelajaran dan pengajaran (PdP) serta lain-lain tugas berkaitan bagi tujuan menjalani program Sangkutan Pensyarah di Industri seperti butiran di Bahagian B. Sangkutan industri ini adalah bertujuan untuk memperkasakan kemahiran industri saya berkaitan butiran di Bahagian C melalui kaedah di Bahagian D

Tandatangan Pegawai:
Nama Penuh:

Tarikh:

Pengesahan Penyelia**

Saya menyokong / tidak menyokong *** permohonan Pegawai dengan ulasan seperti berikut:

Tandatangan:

Cop Rasmi:

Tarikh:

** Penyelia di Politeknik adalah KJ Akademik pensyarah yang memohon atau TPA politeknik tersebut. Penyelia di Kolej Komuniti (KK) adalah Ketua Program Pensyarah yang memohon/TPA KK tersebut.

*** Potong mana yang tidak berkaitan.

Kelulusan Pengarah Institusi

Permohonan Pegawai untuk pelepasan tugas pembelajaran dan pengajaran (PdP) serta lain-lain tugas berkaitan bagi tujuan menjalani program Sangkutan Pensyarah di Industri

	Diluluskan secara <i>Block-Released</i> bermula	hingga
	Diluluskan secara <i>Day-Released</i> berdasarkan Jadual Pelaksanaan yang diperakukan Pegawai Penyelia	
	Diluluskan secara <i>Hour-Released</i> berdasarkan Jadual Pelaksanaan yang diperakukan Pegawai Penyelia	
	Tidak diluluskan	

Tandatangan:

Cop Rasmi:

Tarikh:

LAMPIRAN B:
Borang SIP 02 – Rekod Pertemuan Atau Interaksi

REKOD PERTEMUAN ATAU INTERAKSI

Sangkutan Pensyarah Di Industri

Rekod ini perlu dilengkapi bagi Pegawai yang melaksanakan Sangkutan Pensyarah di Industri secara *Day-Released* dan *Hour-Released* sahaja.

Bahagian A: Maklumat Pegawai

Nama Pegawai	:	
No Kad Pengenalan	:	
Bidang Pengkhususan	:	
Unit/Jabatan	:	
Institusi	:	

Bahagian B: Maklumat Syarikat

Nama Syarikat	:	
No Pendaftaran	:	
Alamat Syarikat	:	
Alamat Penempatan Pegawai Semasa Sangkutan Industri	:	

[illegible]

LAMPIRAN C:
Pengakuan Pegawai dan Pengesahan Industri

PENGAKUAN PEGAWAI

Saya akui bahawa karya di dalam Laporan Teknikal ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan Pegawai :
Nama Pegawai :
Nombor Kad Pengenalan :
Tarikh :


PENGESAHAN PIHAK INDUSTRI

Saya akui bahawa Pegawai yang namanya tertera di atas telah melengkapkan sangkutan industri beliau di syarikat ini seperti butiran berikut:

Nama Syarikat	:	
No Pendaftaran	:	
Alamat Syarikat	:	
Alamat Penempatan Pegawai Semasa Sangkutan Industri	:	

Saya juga telah menyemak Laporan Teknikal ini dan akui bahawa maklumat yang disampaikan adalah tepat. Pihak Syarikat tiada halangan sekiranya maklumat dalam Laporan Teknikal ini disebar luas untuk tujuan akademik.

Tandatangan Wakil Syarikat :
Nama :
Nombor Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :



PANDUAN PELAKSANAAN

Program Sangkutan Pensyarah di Industri

PPT

Versi 2021

PENGHARGAAN

Penaung	YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad
Penasihat	En. Roslee bin Yahya
Pengerusi	Pn. Jamaliah binti Ahmad
Penulis	Dr. Faudzi bin Muhammad Mohd Sallehuddin bin Yazid
Editor	Mohd Saiful Nizam bin Khalid (Ketua) Siti Aminah binti Yusuf Muhamad Naim bin Abdul Halim Nurhafizah binti Yahaya Nawwar Adibah binti Wahid
Panel Semakan Institusi	Adleen Najihah binti Kamaruddin, Kolej Komuniti Hulu Langat Ts. Dr Izwah binti Ismail, Politeknik Ungku Omar Mohamad Shabudin bin Mohamad Nor, Kolej Komuniti Kuala Langat Mohd Asnawi bin Abd Wahab, Bahagian Governan dan Kecemerlangan Muhammad Azam bin Jamaludin, Kolej Komuniti Segamat Nor Baizura binti Abu Bakar, Kolej Komuniti Sungai Petani Norli binti. Mat Noh, Kolej Komuniti Sungai Petani Raja Azlita binti Raja Abdul Rahman, Kolej Komuniti Bandar Darulaman Salmiyah binti Che Ahmad, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Sazuan Nazleen binti Mohd Azam, Kolej Komuniti Selayang Sharifah Aznee binti Said Ali@Syed Ali, Politeknik Port Dickson Siti Norazian binti Miskam, Kolej Komuniti Beaufort Suhana binti Sabran, Politeknik Merlimau Tan Kang Yee, Politeknik METrO Kuantan Ts. Zuraida binti Haji Kamaruddin, Politeknik Sultan Idris Shah

